

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKN 201 Puitika dan Konvensi Dalam  
Kesusasteraan Nusantara

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh dari tradisi Melayu mahupun bukan Melayu jelaskan perbezaan antara puitika deskriptif dan preskriptif dan antara puitika tersurat dan tersirat. Jelaskan juga apa gunanya kita cuba merekonstruksikan puitika Melayu tradisional dan apa bahan-bahan yang wajar dikaji demi untuk mencapai matlamat itu.
2. Braginsky sangat menekankan kepentingan pengaruh puitika Parsi Islam sebagai faktor dalam proses perkembangan puitika Melayu tradisional. Jelaskan mengapa hujahan itu dapat dipertahankan. Dengan merujuk kepada kritikan Muhammad Hj. Salleh terhadap pendekatan beliau, buktikan mengapa pendekatan itu terlalu berat sebelah.
3. Gambarkan peringkat-peringkat pelajaran yang harus dilalui seseorang bakal penutur cerita Awang Belanga. Dengan merujuk juga kepada kajian Sweeney tentang Wayang Siam, jelaskan mengapa dalam suatu tradisi lisan pelajaran murid dengan seorang guru dianggap sebagai sesuatu syarat mutlak dalam proses penurunan tradisi.

.../2

4. Penutur cerita Awang Belanga - sama dengan dalang Wayang Siam - antara lain boleh dilihat sebagai seorang ahli sihir. Gambarkan ilmu-ilmu batin yang harus dikuasai olehnya dan jelaskan apa gunanya ia mempelajari ilmu-ilmu batin tersebut. Siapa tokoh-tokoh lain dalam masyarakat Melayu tradisional yang dapat dibandingkan dengannya?
5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkret, jelaskan apa itu "keindahan luaran" dan "keindahan dalaman" yang dahulunya dicari oleh pembaca dalam sastera Melayu tradisional menurut Braginsky. Bandingkan kedua-dua konsep itu dengan konsep-konsep "faedah" dan "hiburan" yang dianjurkan oleh Koster. Tipa "keindahan" yang mana yang dianggap unggul dalam tradisi Melayu?
6. Dengan merujuk kepada contoh yang relevan, gambarkan tipa pencerita kertas (pencerita rekaan) yang boleh digelar "dalang" seperti yang ditunjukkan oleh Koster dalam sastera Melayu tradisional. Ada dua puitika - yang satu dari tradisi lisan dan yang lain dari tradisi tulisan - yang telah memberi sumbangan penting kepada perkembangan tipa pencerita ini. Jelaskan.
7. Dalam sastera moden karya harus mempunyai "keaslian". Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang relevan, bezakan konsep "keaslian" ini daripada konsep "keaslian" yang dianggap unggul dalam penulisan sastera Melayu tradisional. Dengan merujuk kepada proses penurunan naskah-naskah Melayu, jelaskan mengapa Muhammad Hj. Salleh ingin melonggarkan konsep pengarang.

-oooo000ooo-